

## TAHAP KESEDARAN MEMBAYAR ZAKAT PADI MENERUSI LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZNK)

(Awareness level of Paying Zakat Padi Through the Kedah State Zakat Board)

**Saliza Abdul Aziz<sup>1\*</sup>**

**Zainol Bidin<sup>2</sup>**

**Chek Derashid<sup>3</sup>**

**Hijattulah Abdul-Jabbar<sup>4</sup>**

**Idawati Ibrahim<sup>5</sup>**

<sup>1,2,3,4,5\*</sup> *Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia.*

\*Corresponding author (Email: [saliza@uum.edu.my](mailto:saliza@uum.edu.my))

Received: 30 August 2021, Reviewed: 12 September 2021, Published: 30 September 2021

---

**Abstrak:** Zakat merupakan dana penting dalam pembangunan sosio ekonomi masyarakat muslim di Malaysia. Zakat padi merupakan salah satu jenis zakat yang penting di negeri kedah di mana pengurusan zakat padi Kedah adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Laporan LZNK menunjukkan tahap kutipan zakat padi adalah tidak memuaskan berbanding keluasan kawasan sawah di negeri ini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan iaitu mengetahui tahap kesedaran pembayar zakat padi terhadap pembayaran melalui saluran rasmi. Data kajian diperolehi melalui tinjauan ke atas 163 individu yang terdiri daripada pesawah di beberapa daerah di Kedah. Dapatkan kajian menunjukkan hampir 50 peratus pesawah memilih saluran tidak rasmi dalam melaksanakan tanggungjawab membayar zakat padi. Sementara itu, seramai hampir 42 peratus membayar zakat padi menerusi saluran rasmi dan selebihnya 8.6 peratus menerusi kedua-dua saluran iaitu melalui saluran rasmi dan saluran tidak. Limitasi kajian dan implikasi terhadap pembuat dasar turut dibincangkan.

**Kata kunci:** Zakat Padi, Kesedaran, Saluran Rasmi, Saluran Tidak Rasmi

**Abstract:** *Zakat is an important fund in the socio-economic development of the Muslim community in Malaysia. Zakat on paddy is one of the important types of zakat in the state of Kedah where the management of Kedah zakat on paddy is under the jurisdiction of the Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). The LZNK report shows that the level of collection of zakat on paddy is unsatisfactory compared to the area of paddy fields in the state. Therefore, this study was conducted to answer the question of knowing the level of awareness of paddy zakat payers on payment through official channels. The study data was obtained through a survey of 163 individuals consisting of farmers in several districts in Kedah. The findings of the study showed that almost 50 percent of farmers chose non-official channels in carrying out the responsibility of paying zakat on paddy. Meanwhile, a total of 42 percent pay zakat on paddy through official channels and the remaining 8.6 percent through both channels, namely*

*through official channels and non-official channels. Limitations of the study and implications for policy makers are also discussed.*

**Keywords:** Zakat on Paddy, Awareness, Official Channel, Non-official Channel.

---

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Isu kutipan zakat yang tidak mencapai tahap memuaskan merupakan isu yang sering didebatkan sejak beberapa dekad yang lalu hingga kini (Wahid, Mohd Noor, & Ahmad, 2005; Zilani, Ahmad, & Mohd Nor, 2018). Isu tersebut turut terkesan ke atas kutipan zakat padi terutamanya di negeri Kedah di samping penurunan di dalam jumlah kutipan tahunan, secara spesifiknya agak sukar untuk mencapai sasaran kutipan sepenuhnya mengikut keluasan sawah yang dikerjakan. Kutipan zakat padi menunjukkan trend yang menurun semenjak tahun 2018. Walaupun mampu meningkatkan kutipan, namun sasaran kutipan RM5 juta yang diharapkan tidak dapat direalisasikan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Anggaran tidak rasmi dari Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) menunjukkan keseluruhan kutipan sekiranya semua pesawah padi di negeri Kedah membayar zakat padi di saluran rasmi, mampu mencecah RM30 juta. Keadaan ini menunjukkan perbezaan ketara di antara realiti dan sasaran kutipan zakat padi di negeri Jelapang Padi, Kedah Darul Aman. Justeru, kajian tahap kesedaran membayar zakat padi di saluran rasmi iaitu menerusi LZNK bertujuan untuk meningkatkan kesedaran umat Islam menunaikan zakat padi sekiranya mencukupi syarat. Ia juga dapat sekurang-kurangnya meningkatkan semula kutipan zakat padi di negeri Kedah.

Secara dasarnya, falsafah serta perundangan bagi zakat padi adalah terang dan lengkap serta telah dipatuhi oleh penanam padi atau pemilik padi. Oleh yang sedemikian, kepatuhan ini mampu menjana kutipan di negeri Kedah sehingga RM30 juta (informasi komunikasi di LZNK, 2020) sekiranya setiap penanam padi atau pemilik sawah padi menjalankan tanggungjawab sebagai pembayar zakat padi di saluran rasmi iaitu di LZNK. Namun kutipan zakat padi yang diperolehi oleh LZNK agak menurun dari tahun 2016 sehingga 2020. Penurunan dalam kutipan lebih kurang RM5 juta ke RM3 juta menunjukkan perubahan dalam pematuhan pembayaran zakat padi di kalangan penanam padi atau pemilik padi telah berlaku. Pelbagai kemungkinan boleh diandaikan berkaitan penurunan pematuhan pembayaran zakat padi di kalangan penanam padi menerusi saluran rasmi iaitu terus kepada LZNK pada tahun 2018. Kemungkinan berlakunya penurunan pematuhan ini adalah: (i) pembayaran terus ke saluran tidak rasmi (individu perseorangan yang dikenali/dekat); (ii) penangguhan pembayaran sehingga jumlah meningkat tinggi; (iii) pecahan asal telah menjadi kecil selepas pembahagian harta; dan (iv) sawah dipajakkan. Kemungkinan hasil tuaian tidak menjadi juga antara faktor penyebab kutipan zakat padi menurun. Walau bagaimanapun, tiada faktor yang boleh disokong atau disandarkan kerana kajian berkaitan zakat padi agak terhad bagi membincangkan isu penurunan pematuhan pembayaran zakat padi (Alias & Mohammad Azam, 2017). Di pihak LZNK pula, pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan kutipan zakat padi setiap tahun diperolehi dan dapat dikutip semaksimum yang mungkin. Di antara usaha atau jentera yang dikerahkan adalah: (i) lantikan amil masjid/setempat; (ii) insentif saguhati; (iii) lantikan amil individu mendekati penanam padi atau pemilik padi; dan (iv) peringatan di dalam kuliah/khutbah Jumaat.

Isu pembayaran zakat menerusi saluran tidak rasmi sepatutnya tidak berlaku. Malah isu kurangnya kutipan hasil zakat padi di pihak bertanggungjawab iaitu menerusi saluran rasmi

tidak akan wujud sekiranya Surah At-Taubah ayat 103 dijadikan panduan. Surah yang diterjemahkan sebagai

*“...Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui...”*

(Surah At-Taubah: ayat 59)

jelas menyatakan tentang kewajipan zakat dan hak pungutan zakat oleh pemerintah. Selain itu, Surah An-Nisa ayat 59 juga perlu dijadikan pegangan. Surah tersebut yang diterjemahkan dengan “*Hai orang-orang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu....*” (Surah An-Nisa: 59) dengan jelasnya menerangkan perlu ketaatan atau kepatuhan kepada Ulil Amri. Ulil Amri yang bermaksud umara iaitu pemimpin di mana di dalam konteks zakat merujuk kepada pejabat zakat itu sendiri. Pandangan ini telah diperhalusi mengikut pandangan para *fuqaha’*. Pada asasnya kewajiban mengeluarkan zakat serta mentadbir kutipan zakat bukan sekadar urusan individu tetapi melibatkan soal tanggungjawab dan campurtangan pemerintah menerusi Baitulmal dan seumpamanya bagi pengurusan secara sistematik dalam urusan kutipan serta agihan wang zakat. Para *fuqaha’* berpandangan bahawa pemerintah berkuasa memungut zakat dari harta-harta zahir dan sekiranya diminta untuk ditunaikan, maka wajib bagi rakyat membayar kepadanya. Malah Abu Bakar al-Siddiq r.a. pernah memerangi orang yang bukan sahaja ingkar ke atas kewajipan berzakat tetapi yang ingkar menunaikan zakat kepada pemerintah. Justeru kepatuhan pembayaran zakat di LZNK bukan lagi isu yang perlu diperdebatkan malah perlu diusahakan supaya pengutipan serta pengagihan hasil zakat padi secara khususnya boleh dijayaikan dengan lebih meluas merangkumi asnaf yang sepatutnya. Secara umumnya, agihan akan lebih sistematik dan menyeluruh sekiranya dilakukan menerusi institusi amil seperti Baitulmal dan pihak berkuasa zakat negeri di mana pengurusannya tertakluk kepada pihak pemerintah mengikut panduan yang jelas dalam nas-nas yang sahih.

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan isu kutipan zakat padi yang agak rendah di mana timbulnya persoalan kemerosotan kepatuhan terhadap pembayaran zakat padi ke saluran rasmi iaitu menerusi LZNK. Berlandaskan persoalan tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap kesedaran pembayar zakat padi membayar melalui saluran rasmi. Kajian ini ingin melihat tingkah laku pesawah atau pemilik sawah disebalik tindakan membuat pembayaran zakat padi menerusi saluran rasmi dan sebaliknya menerusi saluran tidak rasmi. Harapannya adalah agar sasaran kutipan zakat padi yang lebih tinggi boleh dicapai atau kemungkinan pelan strategi bagi kutipan zakat padi akan lebih realistik dengan bersandarkan kepada dapatan kajian awal yang dijalankan ini.

## SOROTAN LITERATUR

Zakat pertanian agak berbeza dari kategori zakat yang lain ia wajib dikeluarkan tanpa mengira haul seperti mana yang telah dipersetujui oleh jumhur berdasarkan firma Allah SWT di dalam Surah al-An'aam ayat 141. Ini bermaksud hasil tuaian perlu diberikan zakat tanpa mengira tempoh penuh setahun tetapi mengambilkira bilangan musim tuaian hasil. Namun ia

perlu mencukupi kadar yang diwajibkan bergantung kepada kaedah penanaman sama ada pengairan semulajadi atau sendiri. Walau bagaimanapun, setiap negeri telah memutuskan kadar nisab yang dipersetujui bagi melaksanakan kewajiban pembayaran zakat pertanian ini tanpa perlu dipertikaikan hak serta tanggungjawab ke atas setiap asnaf di negeri masing-masing.

Nisab zakat padi ialah hasil padi bagi setiap tuaian mencapai kepada 5 ausuk bersamaan 2 kunca 2 nalah 6 gantang 1 cupak 2 kepul atau 1,300.49 kilogram. Zakat padi dikenakan mengikut musim tuaian iaitu dua kali di negeri Kedah. Setiap musim tuaian diwajibkan membayar zakat padi sekiranya nisab bagi setiap tuaian tercapai. Sekiranya hasil tuaian dalam musim tersebut tidak tercapai, maka hasil tuaian akan dicampurkan kepada hasil tuaian musim berikutnya untuk pengiraan zakat padi. Dari segi kaedah pengiraan zakat padi di negeri Kedah, ia terbahagi kepada dua cara iaitu mengikut kaedah bersih dengan mengambil kira penolakan kos pertanian; atau secara kasar tanpa penolakan kos berkaitan kos pertanian.

Sejarah penubuhan Zakat Kedah (ZK) bermula dengan penubuhan berdasarkan tarikh Notis Memberi Nasihat Ketentuan Yang Bersangkutan dengan perkara zakat iaitu pada 5 September 1936. Pengemaskinian enakmen dari masa ke semasa telah membentuk Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (JZNK) pada tahun 1955 di mana telah digantikan dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK) pada tahun 2015 (LZNK, 2021). Usaha untuk terus mengukuhkan institusi ZK melalui penambahbaikan undang-undang zakat terus dititikberatkan oleh Jawatankuasa ZK bagi memastikan satu undang-undang lengkap dan menyeluruh dicapai serta diperaktiskan.

Kewajipan mengeluarkan zakat tanaman di negeri Kedah dinyatakan di dalam Undang-undang Kedah yang dikeluarkan dalam tahun 1667M/1078H (Alias & Mohammad Azam, 2017). Malah, kewajipan membayar zakat kepada pemerintah ditekankan di dalam Fatwa negeri Kedah yang boleh dirujuk di Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (tiada maklumat tahun) seperti catatan berikut:

*“...Kutipan dan bayaran zakat harta zahir seperti padi dan lain-lain bijian umpamanya terdapat 2 qaul, bagi Al-Imam Al-Shafie Rodiallah An-Hu iaitu Al-Qaul Al-Jadid yang mengharuskan dibayar kepada lain daripada imam (sultan) dan Al-Qaul Al-Qodim yang mewajibkan dibayar kepada imam atau naibnya yang mana menurut qhul ini jikalau seseorang itu membayar zakat harta zahirnya kepada lain daripada imam tiada sah zakatnya dan wajib di atasnya membayar ganti kepada imam atau naibnya. Perselisihan (Khilaf) tentang sama ada wajib atau tiada wajib dibayar zakat harta zahir kepada imam itu selama tiada ada diperintah daripadanya supaya dibayar kepadanya akan tetapi apabila ada perintahnya maka ketika itu wajib dibayar kepadanya dengan tiada ada qolaf lagi sekalipun ia membelanjakan kepada bukan tempatnya dan menjadi tiada sah zakat itu jika dibayar kepada orang lainnya dan wajib dibayar ganti...”*

(Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji)

Fatwa tersebut jelas menunjukkan kewajipan membayar zakat kepada pemerintah di negeri Kedah adalah diguna pakai di mana ia mewajibkan penggantian kepada pemerintah sekali pun ia dikeluarkan sendiri kepada bukan pemerintah. Peraturan tersebut terus terpakai sehingga kini sejak pembentukan Undang-undang Zakat Tahun 1955 apabila terdapat saranan

kewajipan membayar zakat kepada pemerintah dilaksanakan. Penambahbaikan dalam struktur pentadbiran dari masa ke semasa turut memperkuuhkan pengurusan zakat di negeri Kedah dalam proses pembayaran zakat. Malah ia mampu mempertingkatkan sistem kutipan zakat dari secara manual kepada sistem berintegrasi teknologi yang lebih telus dan cekap.

Selain daripada tanggungjawab pemerintah memastikan pembayar zakat melaksanakan tanggungjawab membayar zakat, Peraturan-Peraturan Zakat 1982 turut menekankan kesalahan mengingkari tanggungjawab tersebut. Kepelbagaiannya kategori kesalahan seperti peruntukan Seksyen 15 Peraturan Zakat 1982 (Alias & Mohammad Azam, 2017; 2016), menunjukkan kewajipan zakat padi dijelaskan kepada pemerintah. Kegagalan mengikuti peraturan-peraturan tersebut seperti tidak memberikan maklumat di dalam Borang di Jadual A kepada amil dalam masa 30 hari; tidak atau enggan membayar zakat dengan sepenuhnya kepada amil; membayar zakat kepada orang lain selain amil; menerima zakat bukan sebagai amil; menghasut untuk tidak membayar zakat; tidak memberikan maklumat bagi Jadual C; atau menjual, memindah milik atau apa sahaja cara melepaskan tanaman padi dengan niat untuk melepaskan daripada tanggungjawab zakat adalah di antara kesalahan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh pentadbir zakat di negeri Kedah. Ketegasan ini menunjukkan kewajipan membayar zakat di negeri Kedah adalah kepada pemerintah di mana tanggungjawab tersebut diletakkan ke atas pengurusan LZNK.

## METODOLOGI

Kajian berbentuk eksplorasi ini dijalankan melalui tinjauan soal selidik yang ditadbir secara berstruktur ke atas individu pesawah sama ada pemilik atau penyewa sawah padi di negeri Kedah. Soal selidik diedarkan secara bersemuka di antara bulan Januari hingga Mei 2020 bagi mengetahui pilihan saluran dalam pembayaran zakat padi sama ada terus ke LZNK (saluran rasmi) atau sendiri kepada asnaf terdekat (saluran tidak rasmi). Pesawah di daerah Kubang Pasu, Padang Terap, Pendang dan Pokok Sena dipilih kerana mempunyai peratusan keluasan tanaman padi yang tinggi berbanding daerah lain di negeri Kedah. Kesukaran mendapat senarai pesawah yang menyeluruh di negeri Kedah menyebabkan pendekatan mudah telah diambil. Pendekatan mudah tersebut adalah pemilihan sampel secara rawak di mana beberapa Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) telah dipilih mewakili daerah-daerah tersebut (Krejcie & Morgan, 1970). PPK terlibat yang dipilih secara rawak adalah PPK Asun, PPK Changloon, PPK Naka, PPK Kuala Nerang, PPK Pokok Sena, PPK Lubuk Batu, PPK Ayer Itam, dan PPK Kubur Panjang.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur tahap kesedaran pembayar zakat padi membayar menerusi saluran rasmi iaitu terus ke LZNK. Umumnya, ia bertujuan untuk melihat sejauh mana kesedaran pematuhan pembayaran ke saluran rasmi dituruti oleh pesawah tanaman padi di negeri Kedah. Soal selidik yang terdiri daripada lapan soalan yang diajukan adalah bersifat terbuka di mana responden memberi respon berdasarkan pengalaman dalam bidang tanaman padi. Manakala soalan berkaitan kesedaran adalah berbentuk skala tiga (iaitu [1] tidak tahu; [2] tidak pasti; dan [3] tahu). Item yang diukur di antaranya ialah:

*“...Adakah abang/pakcik sedar siapa amil di kawasan ini?”; “Adakah abang/pakcik sedar keperluan membayar zakat padi kepada amil?”; dan “Adakah abang/pakcik sedar yang peringatan tentang kepentingan membayar zakat padi kepada amil disampaikan di dalam kuliah/khutbah Jumaat?...”*

Analisa secara statistik deskriptif dijalankan ke atas konstruk demografi dan konstruk kesedaran melalui perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi responden dikumpul dari segi umur, pengalaman dan pemilikan sawah yang diusahakan. Responden yang bekerjasama dalam menjawab soal selidik adalah seramai 163 orang di sekitar daerah Kubang Pasu, Pendang, Padang Terap dan Pokok Sena. Majoriti pesawah padi iaitu 41.1 peratus yang didekati berusia di antara 60 hingga 69 tahun. Kumpulan pesawah lain yang diedarkan soal selidik iaitu seramai 20.9 peratus adalah berumur di antara 50 hingga 59 tahun, seramai 20 peratus berumur di bawah 40 tahun dan 11 peratus responden berumur di antara 40 hingga 49 tahun. Baki seramai 9 orang berumur 70 tahun ke atas dan 9.2 peratus responden tidak menyatakan usia mereka.

Berdasarkan pengalaman mengerjakan sawah, majoriti responden mempunyai pengalaman 20 hingga 29 tahun iaitu 22.1 peratus dan 30 hingga 39 tahun iaitu 20.8 peratus. Selain itu, 31.3 peratus responden berpengalaman selama 19 tahun dan ke bawah dalam mengerjakan sawah. Seramai 14.1 peratus pesawah pula berpengalaman selama 40 tahun dan ke atas dalam bidang penanaman padi. Dari segi pemilikan pula, majoriti pesawah mempunyai pemilikan sendiri ke atas sawah padi yang diusahakan iaitu 61.3 peratus. Selebihnya mengusahakan sawah padi yang disewa iaitu seramai 63 orang pesawah iaitu 38.7 peratus dari jumlah keseluruhan 163 responden.

## Analisis Kebolehpercayaan Konstruk

Statistik deskriptif dengan penggunaan perisian SPSS menunjukkan keputusan kebolehpercayaan (*reliability*) dan kesahihan (*validity*) bagi instrument yang dibina. Seajar dengan itu, konsistensi dalaman digunakan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen. Analisis kebolehpercayaan konstruk yang diukur menunjukkan tahap konsistensi dalaman (*Cronbach's Alpha*) adalah tinggi iaitu di antara 0.828 dan 0.879 bagi lapan soalan yang telah digunakan dalam pengukuran tahap kesedaran pembayar zakat padi (rujuk Jadual 1). Selain daripada tahap konsistensi dalaman bagi setiap item yang diukur, skala min, varians dan korelasi item juga dapat dilihat. Secara keseluruhan, keputusan analisis menunjukkan tahap konsistensi dalaman adalah tinggi iaitu 0.862 bagi lapan item yang telah digunakan dalam pengukuran tahap kesedaran pembayar zakat padi membayar melalui saluran rasmi.

**Jadual 1: Analisis Kebolehpercayaan Konstruk Kesedaran (n=163)**

Konstruk Kesedaran	Skala Min jika Item Dipadam	Skala Varians jika Item Dipadamkan	Korelasi Item- Jumlah Dibetulkan	Cronbach's Alpha jika Item Dipadamkan
AmilKawasan	17.07	15.298	.740	.832
AmilBergerak	17.62	14.805	.593	.850
BayarMasjid	17.13	15.483	.663	.840
BayarAmil	17.13	15.101	.689	.836
AgihAdil	17.02	18.678	.215	.879
GalakanLZNK	17.04	15.381	.793	.828
Insetif	17.76	15.060	.543	.857
KuliahJumaat	17.17	14.946	.689	.836

## Analisis Kesahihan Konstruk

Hasil analisis kesahihan konstruk kesedaran (rujuk Jadual 2) menunjukkan faktor yang terbentuk berdasarkan item yang diukur. Tahap kesedaran pembayar zakat padi melalui saluran rasmi boleh dikategorikan kepada dua kategori utama. Kategori tersebut adalah berdasarkan amil dan pembayaran zakat; serta pegagihan dan insentif. Beban faktor (factor loading) menunjukkan kesemua lapan item dalam tahap kesahihan yang agak tinggi iaitu di antara 0.671 dn 0.888 bagi kategori pertama serta 0.622 dan 0.930 bagi kategori kedua.

**Jadual 2: Analisis Kesahihan Konstruk Kesedaran (n=163)**

Konstruk Kesedaran	Beban Faktor	KMO (BTOS)	Eigenvalue (% variance)
		0.781 (0.000)	
<b>Amil dan Pembayaran</b>			4.012
<i>GalakanLZNK</i>	Sedar pejabat zakat menggalakkan zakat padi dibayar kepada amil	0.888	(50.146%)
<i>AmilKawasan</i>	Sedar siapa amil di kawasan	0.851	
<i>KuliahJumaat</i>	Sedar yang peringatan tentang kepentingan membayar zakat padi kepada amil disampaikan di dalam kuliah/khutbah Jumaat	0.831	
<i>BayarMasjid</i>	Sedar boleh membayar zakat padi di masjid/setempat	0.760	
<i>BayarAmil</i>	Sedar keperluan membayar zakat padi kepada amil	0.751	
<i>AmilBergerak</i>	Sedar amil bergerak ditugaskan untuk mengutip zakat padi di Kawasan	0.671	
<b>Pengagihan dan Insentif</b>			1.394
<i>AgihAdil</i>	Sedar bila membayar zakat padi kepada amil, duit zakat akan diagihkan secara adil dan menyeluruh	0.930	(17.424%)
<i>Insentif</i>	Sedar pihak pejabat zakat ada memberikan insentif saguhati sekiranya membayar zakat padi kepada amil	0.622	

Kategori pertama iaitu amil dan pembayaran zakat mengukur kesedaran tentang galakan LZNK agar zakat padi dibayar kepada amil setempat; mengetahui amil kawasan; menyedari berkaitan peringatan kepentingan zakat padi yang disampaikan di dalam kuliah Jumaat; mengetahui tentang dibolehkan membayar zakat padi di masjid atau setempat; menyedari keperluan membayar zakat padi kepada amil; dan mengetahui berkenaan amil bergerak yang ditugaskan untuk mengutip zakat padi di kawasan setempat. Kesedaran tentang enam perkara ini mampu menerangkan tahap kesedaran pembayar zakat padi melalui saluran rasmi setakat 51 peratus. Manakala 18 peratus diterangkan oleh kategori kedua iaitu pengagihan dan insentif melalui kesedaran membayar zakat padi kepada amil di mana duit tersebut akan diagihkan secara adil dan menyeluruh; dan mengetahui berkenaan insentif

saguhati yang disediakan oleh pihak LZNK sekiranya membayar zakat padi kepada amil. Justeru, tahap kesedaran melalui lapan item tersebut hanya mampu menerangkan sebanyak 69 peratus secara keseluruhan di mana 31 peratus lagi adalah disebabkan oleh faktor lain.

### **Tahap Kesedaran Membayar Zakat Padi ke Saluran Rasmi**

Kajian ini dijalankan bagi merungkai persoalan iaitu mengetahui tahap kesedaran pembayar zakat padi terhadap pembayaran melalui saluran rasmi. Keseluruhan proses dapatan data telah menunjukkan tahap kesedaran pesawah membayar zakat padi melalui saluran rasmi adalah baik iaitu 2.15 dari skor maksima 3. Perincian peratusan responden dalam skala 3 bagi setiap persoalan yang diajukan adalah seperti di dalam Jadual 3 (Analisis Skor Min Konstruk Kesedaran). Ketidakpastian tidak wujud bagi beberapa perkara yang dibangkitkan seperti tentang amil di kawasan; amil bergerak yang ditugaskan untuk mengutip zakat padi di kawasan; boleh membayar zakat padi di masjid/setempat; keperluan membayar zakat padi kepada amil; insentif saguhati yang diberikan oleh pihak pejabat zakat sekiranya membayar zakat padi kepada amil; dan peringatan akan kepentingan membayar zakat padi kepada amil disampaikan di dalam kuliah/khutbah Jumaat. Ini menunjukkan pesawah sedar tentang kewujudan amil-amil yang bertanggungjawab, insentif yang disediakan dan juga berkaitan peringatan yang disampaikan. Namun ketidakpastian amat tinggi bagi perkara-perkara seperti kesedaran tentang agihan secara adil dan menyeluruh apabila membayar zakat padi kepada amil dan juga berkaitan kesedaran pejabat zakat mengalakkkan zakat padi dibayar kepada amil. Secara lebih terperinci, didapati pesawah tidak sedar berkaitan perkara utama iaitu kewujudan amil bergerak yang ditugaskan untuk mengutip zakat padi di kawasan setempat. Selain itu, pesawah juga tidak menyedari tentang insentif saguhati yang diberikan oleh pihak pejabat zakat sekiranya membayar zakat padi kepada amil.

**Jadual 3: Analisis Skor Min Konstruk Kesedaran (n=163)**

No.	Item	Skala			Skor Min
		[1] Tidak sedar	[2] Tidak pasti	[3] Sedar	
1.	Kesedaran tentang amil di kawasan.	14.1%	8.0%	77.9%	2.64 (88.0%)
2.	Kesedaran amil bergerak ditugaskan untuk mengutip zakat padi di kawasan.	39.9%	11.7%	48.5%	2.09 (69.7%)
3.	Kesedaran boleh membayar zakat padi di masjid/setempat.	16.0%	10.4%	73.6%	2.58 (86.0%)
4.	Kesedaran keperluan membayar zakat padi kepada amil.	19.0%	4.3%	76.7%	2.58 (86.0%)
5.	Kesedaran tentang agihan secara adil dan menyeluruh apabila membayar zakat padi kepada amil.	3.7%	24.5%	71.8%	2.68 (89.3%)
6.	Kesedaran pejabat zakat mengalakkkan zakat padi dibayar kepada amil.	11.0%	11.0%	77.9%	2.67 (89.0%)
7.	Kesedaran tentang insentif saguhati yang diberikan oleh pihak pejabat zakat sekiranya membayar zakat padi kepada amil.	47.9%	9.8%	42.3%	1.94 (64.7%)

8.	Kesedaran tentang peringatan akan kepentingan membayar zakat padi kepada amil disampaikan di dalam kuliah/khutbah Jumaat.	20.9%	4.9%	74.2%	2.53 (84.3%)
<b>Keseluruhan</b>					<b>2.15 (71.7%)</b>

Keseluruhan, keputusan analisis menunjukkan hampir 70 peratus pesawah tidak sedar akan kewujudan amil bergerak yang ditugaskan untuk mengutip zakat padi di kawasan setempat. Maka tidak hairan sekiranya keadaan tersebut menyebabkan kesedaran tentang peruntukan insentif saguhati agak rendah juga iaitu 67 peratus. Perkara ini dapat dilihat sebagai sesuatu yang serius kerana ia mampu mengurangkan kutipan zakat padi dari semasa ke semasa apabila saluran tidak rasmi menjadi pilihan pesawah mengagihkan zakat padi kepada asnaf sekeliling sahaja. Namun, tidak dinafikan, pesawah sedar siapa amil di kawasan; tahu tentang galakkan pejabat zakat agar zakat padi dibayar kepada amil; dan sedar akan keperluan membayar zakat padi kepada amil di mana tahap kesedaran dilihat melebihi 80 peratus. Walau bagaimanapun, untuk tidak menghamparkan harapan penerima atau asnaf setempat yang sejak sekian lama mengharapkan zakat padi diberikan, peratusan kecil zakat padi dikeluarkan juga ke saluran tidak rasmi. Tahap kesedaran menunjukkan pesawah di daerah Kubang Pasu, Pendang, Padang Terap dan Pokok Sena khususnya maklum tentang amil di kawasan setempat serta hasrat yang sering diwar-warkan oleh LZNK tentang kewajipan membayar zakat melalui saluran rasmi dan dipermudahkan dengan ditugaskan amil setempat.

### **Saluran Pembayaran Zakat Padi**

Penemuan hasil soal selidik berstruktur mendapati majoriti pesawah iaitu hamper 50 peratus melunaskan pembayaran zakat padi melalui saluran tidak rasmi iaitu seramai 81 orang. Seramai 68 orang iaitu hamper 42 peratus membuat pembayaran zakat padi di saluran rasmi iaitu di LZNK atau kepada amil-amil zakat padi di kawasan setempat. Selain itu, seramai 14 orang pesawah (8.6 peratus) membuat pembayaran di kedua-dua saluran iaitu melalui saluran rasmi dan juga pada masa yang sama sebahagian diagihkan kepada penerima zakat padi secara saluran tidak rasmi.

Punca pesawah tidak membayar zakat padi ke saluran rasmi adalah disebabkan kebiasaan yang telah diamalkan sejak turun temurun dari generasi pertama pesawah tersebut. Melihat kesusahan masyarakat setempat juga merupakan punca di mana zakat padi di agihkan kepada kenalan sekeliling yang ditakrifkan sebagai miskin, susah, berpendapatan tidak menentu, mempunyai tanggungan yang ramai, janda, ibu tunggal dan yang memerlukan. Kepincangan maklumat yang diterima dari pemohon bantuan yang gagal serta desas-desus maklumat yang salah menyebabkan kepercayaan terhadap pejabat zakat hilang di mana turut menjadi punca zakat padi tidak dibayar ke saluran rasmi. Tidak dinafikan juga, ada segelintir kumpulan pesawah tersebut yang turut membayar sebahagian jumlah zakat padi ke saluran rasmi. Perubahan ini berlaku setelah kepercayaan terhadap amil-amil setempat meningkat dan cara pengagihan yang telus diketahui umum.

Faktor pendorong pesawah di negeri Kedah membayar zakat padi ke saluran rasmi iaitu ke LZNK atau menerusi amil-amil yang dilantik adalah kerana kefahaman yang jelas. Kepercayaan penuh terhadap pihak pengurusan zakat negeri merupakan sebab utama di mana pesawah membayar ke saluran rasmi. Selain itu, faktor hukum dan kearifan dalam menentukan kelayakan asnaf juga tidak dipertikaikan. Pejabat zakat di katakan mempunyai mekanisma

yang tidak diragui oleh kumpulan pembayar zakat ke saluran rasmi ini dan mempunyai data yang lengkap. Di samping itu, pengagihan yang menyeluruh mengikut kategori asnaf atau kumpulan asnaf yang memerlukan boleh dicapai dengan pengagihan dari LZNK. Namun demikian, beberapa pesawah tidak dapat mengelak untuk membayar keseluruhan jumlah zakat padi ke saluran rasmi disebabkan tidak dapat menghamparkan penerima atau asnaf dipercayai yang berharap mendapat wang zakat sejak sekian lama pada musim menuai.

## **KESIMPULAN**

Konsep zakat itu sendiri yang bertujuan untuk penyucian adalah diwajibkan ke atas pembayar zakat yang memenuhi syarat sahaja. Syarat wajib zakat adalah ke atas setiap Muslim yang memiliki harta dan sekiranya pemilikan bersama dengan pemilik bukan Islam, maka bahagian wajib zakat hanya ke atas pemilikan Islam yang merdeka sahaja. Di samping itu, kewajipan berzakat adalah ke atas Muslim yang waras (iaitu mampu berfikir) dan cukup umur (iaitu baligh). Dari segi harta itu sendiri, maka pemilikan adalah perlu secara sepenuhnya (*milk tam*). Ini bermaksud tanah pertanian atau sawah dalam konteks kajian ini perlu dimiliki oleh pesawah di mana ia diperolehi secara sah, mempunyai hak penuh untuk menggunakan, melupuskan, menjual, menghibah atau melabur bahagian yang dimiliki itu. Tanah tersebut juga perlu dikategorikan sebagai harta yang subur (*AnNama*) bagi membolehkan kewajipan zakat diletakkan ke atas bahagian tanah tersebut. Harta yang subur bermaksud ia mampu menjana keuntungan sama ada secara hakiki (keuntungan perniagaan) atau secara tidak hakiki (potensi harta tersebut berkembang di tangan pemilik atau tangan orang lain). Maka kewajipan membayar zakat padi adalah jelas bagi setiap Muslim yang mempunyai atau mengerjakan sawah sekiranya mencukupi nisab yang ditentukan.

Kajian ini secara tidak langsung menggambarkan pembayar zakat padi sedar akan kepentingan membayar zakat melalui saluran rasmi. Namun keengganan membayar zakat padi menerusi saluran tetap menjadi persoalan. Penemuan hasil kajian ini selain dapat memberi idea kepada peningkatan pendekatan berkaitan zakat padi, ia dapat menambah ilmu dari segi teori kesedaran dan pematuhan secara umum. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi mengurangkan jurang secara teori atau pengurusan untuk jangka masa akan datang. Cadangan kajian secara eksplorasi yang boleh diambil maklum, di antaranya adalah seperti (i) kajian yang sama boleh dijalankan di daerah atau negeri lain; (ii) menggunakan data “Perunding Zakat Kariah” yang sedang dalam proses pengumpulan yang lebih spesifik; (iii) skop berkaitan kepatuhan boleh diperkembangkan lagi dengan dimensi pengukuran yang lain; dan (iv) kajian secara perbandingan dengan negeri-negeri lain boleh dijalankan untuk mendapatkan gambaran menyeluruh dan menambahkan percambahan ilmu dalam zakat padi di Malaysia.

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada penyemak yang telah memberikan nasihat dan komen yang sangat mendalam. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih di atas sokongan Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) dan Pusat Penyelidikan, Pengurusan Inovasi (RIMC) Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan pemberian Skim Geran Perundingan (Kod S/O: 14538).

## **RUJUKAN**

- Alias, A., & Mohammad Azam, H. (2016). Pendekatan taqlid dalam pengiraan zakat padi: tinjauan di Daerah Pendang, Kedah. *Journal of Human Development and Communication*. 5(2016), 113-130.
- Alias, A. & Mohammad Azam, H. (2017). *Pengurusan Zakat Tanaman Padi*. Universiti Utara Malaysia. Sintok. UUM Press.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*. 30(3), 607-610.
- LZNK (2021). Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Profile. Maklumat online <https://www.zakatkedah.com.my/profil-lznk/>
- Surat an-Nisa ayat 59. Maklumat online <https://tafsirq.com/4-an-nisa/ayat-59>
- Surat at-Taubah ayat 103. Maklumat online <https://tafsirq.com/9-at-taubah/ayat-103>
- Wahid, H., Mohd Noor, M.A., & Ahmad, S. (2005). Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya? *International Journal of Management Studies*. 12(2), 171-189.
- Zilani, N.N., Wahid, H., & Mohd Nor, M.A. (2018). Kefahaman dan Kesedaran Membayar Zakat Perniagaan: Kajian terhadap Peniaga Kecil di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. *Prosiding PERKEM*. 13(2018), 375-386.